

# **PEGAWAI PERUBATAN KONTRAK**

## **TAWARAN D2**

**Permohonan Mengikuti Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* Dengan Biasiswa KKM Sesi 2023/2024**

## PEGAWAI PERUBATAN KONTRAK

### IKLAN

#### Permohonan Mengikuti Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* dengan Biasiswa KKM Sesi 2023 / 2024

---

Permohonan adalah dipelawa kepada **Pegawai Perubatan Kontrak** yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia dan berkelayakan bagi mengikuti Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* Dengan Biasiswa di dalam dan luar negara. Permohonan ini dipelawa kepada Pegawai Perubatan Kontrak yang sedang mengikuti Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* yang telah berdaftar dengan Bahagian Perkembangan Perubatan/Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga pada dan sebelum 28 Oktober 2022 (**pelatih sedia ada**) dan ingin mendapatkan penajaan, dan Pegawai Perubatan Kontrak yang belum berdaftar selepas tarikh 28 Oktober 2022 (**pelatih prospektif**). Semua pelatih prospektif perlu memohon melalui Tawaran D sahaja mulai sesi 2023/2024 dan tidak perlu lagi berdaftar melalui Bahagian Perkembangan Perubatan/ Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (surat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), ruj. KKM600-25/8/3JLD10(74), bertarikh 27 Oktober 2022 adalah dirujuk).

PERKARA	PELATIH SEDIA ADA	PELATIH PROSPEKTIF
Pendaftaran latihan	Pegawai yang telah berdaftar dengan Bahagian Perkembangan Perubatan/ Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga pada dan sebelum 28 Oktober 2022	Pegawai yang belum berdaftar sebagai pelatih selepas tarikh 28 Oktober 2022.
Penajaan	Pegawai memohon penajaan melalui tawaran D.	Pegawai perlu memohon penajaan sebagai pelatih bersekali melalui tawaran D. Pegawai tidak perlu lagi berdaftar melalui Bahagian Perkembangan Perubatan/ Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga.
Tempoh Latihan	Mengikut pelan dan tahun latihan sedia ada	Latihan akan bermula pada tahun 1

Bidang yang ditawarkan adalah seperti di bawah dan maklumat terperinci seperti di **Lampiran A**

<b>BIL.</b>	<b>BIDANG</b>
1	Anestesiologi dan Rawatan Rapi/ <i>Anaesthesiology and Critical Care</i>
2	Surgeri Kardiorasik/ <i>Cardiothoracic Surgery</i>
3	Onkologi Klinikal/ <i>Clinical Oncology</i>
4	Radiologi/ <i>Radiology</i>
5	Perubatan Kecemasan/ <i>Emergency Medicine</i>
6	Perubatan Keluarga/ <i>Family Medicine</i>
7	Pediatrik/ <i>General Paediatrics</i>
8	Perubatan Dalaman/ <i>Internal Medicine</i>
9	Obstetrik dan Ginekologi/ <i>Obstetrics and Gynaecology</i>
10	Oftalmologi/ <i>Ophthalmology</i>
11	Surgeri Plastik/ <i>Plastic Surgery</i>
12	Psikiatri/ <i>Psychiatry</i>
13	Urologi/ <i>Urology</i>

## 1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

### 1.1 Syarat-syarat Umum

Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Berkhidmat secara lantikan kontrak;
- b) Pegawai Perubatan KKM lantikan kontrak di bawah Surat Pekeliling Ketua Setiausaha (SPKSU) Bil 4/2016 dan masih dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan; atau
- c) Pegawai Perubatan KKM lantikan kontrak yang mendapat tawaran kesinambungan perkhidmatan bagi persediaan pengajian kepakaran seperti yang diperuntukkan dalam surat edaran Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) rujukan KKM-500-8/1/20 Jld. 8 (11) bertarikh 5 Januari 2022; atau
- d) Telah berkhidmat dengan KKM sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** (termasuk latihan siswazah) dan dilantik pada/sebelum **1 Januari 2019**;
- e) Pegawai Perubatan KKM lantikan kontrak **sehingga 31 Disember 2019** yang menjalani Latihan Siswazah atau *Housemanship* di luar negara;
- f) Pegawai tidak pernah meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan kontrak (Pegawai Perubatan Kontrak);
- g) Mempunyai prestasi cemerlang dengan markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tidak kurang daripada 85% bagi mana-mana tiga (3) tahun yang tertinggi daripada lima (5) tahun terakhir perkhidmatan pegawai (penilaian genap 12 bulan bagi setiap tahun).
- h) Pengecualian penilaian genap 12 bulan untuk pengiraan purata LNPT diberikan kepada Pegawai Lantikan Kontrak yang menjalani Latihan Siswazah atau *Housemanship* di luar negara (Lantikan sehingga 31 Disember 2019);
- i) Pegawai yang sedang mengikuti Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* dengan syarat masih mempunyai **sekurang-kurangnya dua (2) tahun baki latihan** pada tarikh tutup permohonan;
- j) Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan /Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
- k) Pegawai bersih / bebas daripada sebarang pertuduhan / prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan / atau dalam proses dakwaan mahkamah;

- l) Telah mengisytiharkan harta;
- m) Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman/ peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.
- n) Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;
- o) Tidak pernah gagal atau menarik diri daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia;
- p) Tidak pernah menolak tawaran yang ditawarkan oleh Bahagian Pengurusan Latihan, KKM dalam tempoh dua (2) tahun yang lepas;
- q) Setiap pegawai dikehendaki membuat perakuan mengenai status kesihatan masing-masing. Masalah kesihatan tertentu mungkin boleh menyebabkan pegawai tidak dapat memenuhi tanggungjawab profesional dan peribadinya, dan seterusnya mungkin menyebabkan pegawai tidak dapat mengamal dengan selamat disebabkan oleh penyakit fizikal atau mental.
- r) Bagi pegawai yang mempunyai masalah kesihatan seperti di **Lampiran B**, kesesuaian untuk diterima menjalani latihan kepakaran akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal bagi bidang kepakaran masing-masing. Pegawai perlu mengemukakan laporan perubatan dari pakar perubatan Kerajaan untuk mengesahkan status kesihatan dan rawatan terkini.
- s) Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang secara sepenuhnya; dan
- t) Pegawai hendaklah mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka pendek / panjang yang terdahulu dengan jayanya seperti berikut;

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

**2.0 SYARAT-SYARAT KHUSUS DAN KAEDAH LATIHAN BAGI SETIAP BIDANG ADALAH SEPERTI DI LAMPIRAN B**

**3.0 TATACARA PERMOHONAN**

**3.1** Permohonan hendaklah dibuat kepada BPL secara dalam talian (*online*) menerusi Sistem Permohonan eHLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>). **Permohonan di luar iklan adalah TIDAK DIBENARKAN.**

**3.2** Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan atau permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

**3.3** Hanya Pegawai yang layak tapisan KKM akan dipertimbangkan untuk ditawarkan mengikuti Latihan Kepakaran ini. Pegawai yang tidak memohon atau tidak melepasi tapisan KKM walaupun telah ditawarkan tempat latihan di institusi (Luar Negara) tidak akan dipertimbangkan sebarang Pelepasan Khas bagi mengikuti Program latihan Kepakaran (PLK).

**3.4** Surat tawaran dan dokumen perjanjian akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya oleh BPL melalui Ketua Jabatan masing-masing.

**3.5** Tawaran yang dikeluarkan oleh BPL sahaja dianggap sah untuk mengikuti latihan kepakaran ini.

**3.6** Pegawai yang menolak tawaran ini akan **dikenakan penalti 2 tahun** iaitu tidak boleh memohon kemasukan bagi Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* Dengan biasiswa KKM dalam tempoh berkenaan;

**3.7** Jadual ikatan perjanjian adalah seperti berikut:

<b>Kaedah Pengajian</b>	<b>Ikatan/Gantirugi</b>
Kombinasi (Latihan Luar Negara)	7 tahun berkhidmat dan/atau RM700,000
Sepenuhnya Dalam Negara	5 tahun berkhidmat dan/atau RM350,000

**3.8** Ketua Jabatan adalah merujuk kepada **Pengarah Bahagian KKM / JKN / Institusi / Hospital / Ketua PTJ.**

### 3.9 DOKUMEN SEMASA SESI TEMUDUGA

3.9.1 Dokumen-dokumen berikut hendaklah dibawa bersama **semasa sesi temuduga** yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal **(bagi pegawai yang telah berjaya melepasi tapisan pertama)**:

- i. **Dua (2) salinan Borang Permohonan *Online***;
- ii. **Dua (2) salinan Borang Maklumat Pehidmatan (Lampiran 1)**;
- iii. **Dua (2) salinan** Laporan Referee (2 orang);
- iv. **Dua Salinan *Medical Report*** (Laporan Perubatan) (jika berkaitan);
- v. **Dua (2) salinan** Surat (*Covering letter*) daripada Jabatan/tempat bertugas dengan sokongan/ulasan bagi tujuan kebenaran mengikuti latihan/kesesuaian bidang;
- vi. **Dua (2) salinan** Keputusan Peperiksaan seperti dalam Syarat-syarat khusus (jika berkaitan) dan disahkan;
- vii. **Dua (2) salinan Kenyataan Perkhidmatan** yang telah dikemaskini dan disahkan;
- viii. **Dua (2) salinan Surat Pengesahan Jawatan** daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan disahkan;
- ix. **Dua (2) salinan Sijil Pendaftaran Penuh** dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dan disahkan; dan
- x. **Dua (2) salinan** Dokumen sokongan yang lain (Salinan Kad Pengenalan, sijil SPM, transkrip peperiksaan dan lain-lain) dan disahkan.

## **PERINGATAN PENTING KEPADA SEMUA PEGAWAI**

1. Tarikh tutup permohonan adalah pada **10 Disember 2022**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **tidak akan dipertimbangkan**.
2. Pegawai hendaklah memohon secara dalam talian (*online*) melalui Sistem Permohonan eHLP KKM <http://ehlp.moh.gov.my>.
3. Semakan **keputusan penawaran** Program Latihan Kepakaran (PLK) boleh diketahui pada **April/Mei 2023 (tertakluk kepada perubahan)** melalui Sistem Permohonan eHLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>). Pemakluman keputusan akan diwar-warkan di laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (<http://www.moh.gov.my>) dan Bahagian Pengurusan Latihan KKM (<http://latihan.moh.gov.my>).
4. Sila ambil maklum bahawa penerima biasiswa mulai sesi latihan 2023/2024 adalah tertakluk kepada **Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya** seperti yang disertakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

### **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

1. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Ketua Jabatan diminta untuk membuat semakan perancangan yang teliti dan hanya memperakukan pegawai yang boleh dilepaskan pada tahun 2023/2024 kelak.
3. Bahagian Pengurusan Latihan berhak menolak permohonan yang didapati tidak menepati syarat yang dinyatakan di atas.
4. Ketua Jabatan adalah merujuk kepada **Pengarah Bahagian KKM / JKN / Institusi / Hospital / Ketua PTJ**.



## **PERINGATAN PENTING KEPADA PEGAWAI**

1. Sila ambil maklum bahawa penerima adalah tertakluk kepada Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya seperti yang disertakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
2. Sila ambil maklum akan tarikh-tarikh penting bagi pelawaan ini seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>Keterangan</b>
<b>31 Oktober 2022</b>	<b>Permohonan dibuka</b>
<b>10 Disember 2022</b>	<b>Tarikh tutup permohonan</b>
<b>April/Mei 2023</b>	<b>Keputusan (tertakluk kepada perubahan)</b>

## Lampiran A

Bil.	Bidang	Syarat Khusus	Kaedah & Tahun Latihan
1	Urologi	<p>Kelayakan: Fellowship of the Royal Colleges of Surgeons (FRCS (Urology)(Glasgow))</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang Urologi;</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan “Membership of the Royal College of Surgeon (MRCS (Ireland) atau MRCS (Edinburgh) atau MRCS (Glasgow) atau MRCS (England)” Part A dan Part B.;</li> <li>3. Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Dalam Negara</p>
2	Surgeri Kardiotorasik	<p>Kelayakan: Fellowship of the Royal Colleges of Surgeons (FRCS (Cardiothoracic Surgery) (Edinburgh))</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang Kardiotorasik;</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan “Membership of the Royal College of Surgeons (MRCS (Ireland), atau MRCS (England), atau MRCS (Edinburgh), atau MRCS (Glasgow))”, Part A dan Part B bagi permohonan bidang Surgeri Kardiotorasik;</li> <li>3. Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 6 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi (Latihan Luar Negara)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 5 Tahun di dalam negara</li> <li>- 1 Tahun di luar negara</li> </ul>

3	Onkologi Klinikal	<p>Kelayakan: Fellowship of the Royal College of Radiologists (FRCR, UK)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan;</li> <li>2. Mempunyai sijil dalam Medical Specialist Pre-entrance Examination (MEDEX-Clinical Oncology) atau MRCP (UK) atau MRCP (Ireland) *Bagi MRCP, calon perlu melengkapkan semua kertas peperiksaan, MRCP Part 1, MRCP Part 2, PACES</li> <li>3. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi (Latihan Luar Negara)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2 Tahun di dalam negara</li> <li>- 2 Tahun di luar negara</li> </ul>
4	Perubatan Keluarga (MintFM)	<p>Kelayakan: Membership of the Irish College of General Practitioners (MICGP (Ireland))</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO)</li> <li>2. berumur tidak melebihi 43 tahun dari tarikh tutup iklan</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Dalam Negara</p>
5	Perubatan Keluarga GCFM-ATFM / FRACGP	<p>Kelayakan: Fellowship of the Royal Australian College of General Practitioners (FRACGP (Australia))</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO)</li> <li>2. Berumur tidak melebihi 43 tahun dari tarikh tutup iklan</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Dalam Negara</p>
6	Perubatan Dalaman	<p>Kelayakan: Membership of Royal College of Physicians (MRCP (UK)/ MRCP (Ireland))</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan "Membership of Royal College of Physicians MRCP (UK) atau MRCP (Ireland) Part 1"</li> <li>3. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Dalam Negara</p>

7	Pediatrik	<p>Kelayakan: Membership of the Royal College of Paediatrics and Child Health (MRCPCH (UK))</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan; “Membership of Royal Colleges of Paediatrics and Child Health (MRCPCH (UK)) (Foundation of Practice (FOP) atau Theory and Science (TAS) atau Applied Knowledge in Paediatrics (AKP)”</li> <li>3. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Dalam Negara</p>
8	Psikiatri	<p>Kelayakan: Membership of the Royal College of Psychiatrists, United Kingdom (MRCPsych UK))</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan; “Membership of Royal Colleges of Psychiatrists (MRCPsych (UK)) Part A”</li> <li>3. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi (Peperiksaan di Luar Negara)</p>
9	Perubatan Kecemasan	<p>Kelayakan: Fellow of the Royal College of Emergency Medicine (FRCEM)(UK)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan dan minimum 6 bulan di Jabatan Perubatan Kecemasan</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan; “Membership of Royal College of Emergency Medicine (MRCEM (UK)) Primary Examination”</li> <li>3. Berjaya melengkapkan Advanced Cardiac Life Support (eg, ACLS, ALS) dan Trauma Life Support Course (eg ATLS, TLSM)</li> <li>4. Berjaya melengkapkan semua Entry Essential Learning Activities (Entry ELAs)</li> <li>5. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 5 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi (Latihan Luar Negara)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 4 Tahun di dalam negara</li> <li>- 1 Tahun di luar negara</li> </ul>

10	Radiologi	<p>Kelayakan: Fellowship of the Royal College of Radiologists [FRCR (UK)]</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan; “Fellowship Royal College of Radiology (FRCR)(UK) samada (Modul Physics atau Anatomy)”</li> <li>3. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi (Peperiksaan di Luar Negara)</p>
11	Anestesiologi	<p>Kelayakan: Fellowship of College of Anaesthesiologists of Ireland (FCAI (Ireland))</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan termasuk 6 bulan dalam bidang Anestesiologi;</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan “Membership of The College of Anaesthesiologists of Ireland” (MCAI – MCQ (Ireland) Examination);</li> <li>3. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 6 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi (Peperiksaan di Luar Negara)</p>
12	Obstetrik & Ginekologi	<p>Kelayakan: Membership of the Royal College of Obstetricians and Gynaecologists (MRCOG (UK))</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO)</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan berikut: “Membership of the Royal College of Obstetricians and Gynaecologists (MRCOG (UK)) Part 1”</li> <li>3. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi (Peperiksaan di Luar Negara)</p>

13	Surgeri Plastik	<p>Kelayakan: Fellowship of the Royal Colleges of Surgeons (FRCS (Plastic Surgery) (Glasgow)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang Surgeri Plastik.</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan berikut: "Membership of the Royal College of Surgeons (MRCS) Part A dan Part B</li> <li>3. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan;</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi (Latihan Luar Negara)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 3 Tahun di dalam negara</li> <li>- 1 Tahun di luar negara</li> </ul>
14	Oftalmologi	<p>Kelayakan: Fellowship of the Royal College of Ophthalmologists (FRCOphthal (UK)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) dalam bidang Oftalmologi.</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan berikut: Medex (Oftalmologi) atau Basic Science Examination (BSE), dan Fellowship of the Royal College of Ophthalmologists (FRCOphthal) Part 1 dan Refraction Test (UK)</li> <li>3. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan;</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi (Peperiksaan di Luar Negara)</p>

**JENIS-JENIS PENYAKIT**

- a. Penyakit Mental (*Mental illness*);
- b. Penyakit Sistem Saraf [(Strok, dementia) (*Neurological illness* (Cerebrovascular accident, dementia))];
- c. Penyalahgunaan dan ketagihan dadah (*Substance abuse and dependence*);
- d. Ketidakupayaan fizikal atau kurang upaya (*Physical disabilities or handicap*);
- e. Masalah perubatan, termasuk yang berkaitan penuaan dan jangkitan yang kronik (*Medical conditions, including those related to ageing and chronic infections*);
- f. Lain-lain masalah perubatan yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamal (*Any other conditions which may give rise to impairment to practitioners*)

**\*Sumber rujukan: *Managing Impaired Registered Medical Practitioners, Guideline of the Malaysian Medical Council, MMC Guideline 001/2010***

## PEGAWAI PERUBATAN KONTRAK

### SENARAI SEMAK DOKUMEN SEMASA SESI TEMUDUGA

*Penting: Setiap dokumen hendaklah dikemukakan dalam dua (2) salinan yang lengkap dan disahkan*

	Diisi oleh:	
	Calon	Jawatankuasa Teknikal
1. Borang Permohonan Online;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Lampiran 1 (Borang Maklumat Perkhidmatan);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Borang <i>Referee</i> (Borang R);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Salinan <i>Medical Report</i> (Laporan Perubatan) (jika berkaitan);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Surat ( <i>Covering letter</i> ) daripada Jabatan/Tempat Bertugas dengan sokongan/ulasan dari segi kebenaran mengikuti Latihan/kesesuaian bidang;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Salinan Keputusan Peperiksaan seperti dalam Syarat-syarat khusus (jika berkaitan);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7. Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan disahkan ;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8. Salinan Surat Perlantikan Kontrak Perkhidmatan daripada Bahagian Sumber Manusia KKM;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9. Salinan Sijil Pendaftaran Penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) ;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10. Salinan Dokumen sokongan yang lain (contoh: Salinan Kad Pengenalan, sijil SPM, sijil-sijil dan transkrip).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PERAKUAN PEMOHON	
Nama:	
Jawatan:	
Jabatan:	



<b>UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA TEKNIKAL</b>	
Nama:	
Cop Jabatan:	
Tarikh:	
<b>UNTUK KEGUNAAN BPL</b>	
Nama:	
Cop Jabatan:	
Tarikh:	

## BORANG MAKLUMAT PERKHIDMATAN

A LATIHAN SEMASA HOUSEMAN			
	Disiplin <i>(sila nyatakan)</i>	Tempat Latihan	Ketua/Pakar
1.			
2.			
B SEJARAH PERKHIDMATAN			
	Tarikh dan tempoh masa penempatan	Hospital/Jabatan/Unit	Pakar Perunding
C REFEREE			
<p><i>(Sila namakan referee yang berpengetahuan mengenai kemahiran klinikal anda dan juga merupakan immediate supervisor. Referee tersebut hendaklah mengisikan Borang R dengan lengkap seterusnya mengemukakan bersama dengan borang permohonan ke Bahagian Pengurusan Latihan, KKM)</i></p> <p><b>Referee 1</b>            Nama:            Jawatan:            Tempat Bertugas:</p>			

**Referee 2**

Nama: \_\_\_\_\_ :

Jawatan: \_\_\_\_\_ :

Tempat Bertugas: \_\_\_\_\_ :

**D PENERBITAN / PENYELIDIKAN / PENYAMPAIAN KERTAS KERJA**

(Sila senarai mengikut tahun)

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

**E PENGLIBATAN DALAM ORGANISASI PROFESIONAL**

(Sila senarai mengikut tahun)

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN

**BORANG REFEREE**  
**LATIHAN KEPAKARAN *PARALLEL PATHWAY* DENGAN BIASISWA KKM**

**NOTA:**

Referee mestilah terdiri daripada pakar klinikal yang mempunyai pengetahuan mengenai kemahiran klinikal calon atau merupakan *immediate supervisor* seperti Ketua Jabatan calon.

**LAPORAN REFEREE**

NAMA CALON : \_\_\_\_\_

NAMA *REFEREE* : \_\_\_\_\_

BIDANG YANG DIPOHON : \_\_\_\_\_

Beri komen/ulasan anda mengenai calon tersebut dalam perkara –perkara berikut:

**1. HUBUNGAN DENGAN STAF, PESAKIT DAN KELUARGA PESAKIT:**

---

---

---

---

**2. KOMITMEN TERHADAP KERJA, KERJA BERPASUKAN DAN MEMPUNYAI KUALITI-KUALITI PEMIMPIN :**

---

---

---

**3. PENGETAHUAN DAN “PROFESSIONAL SKILLS” :**

---

---

---

---

---

---

---

---

**4. PENGLIBATAN DALAM PENYELIDIKAN DAN LATIHAN :**

---

---

---

---

---

---

---

---

**5. KESESUAIAN UNTUK MENJALANI LATIHAN KEPAKARAN *PARALLEL PATHWAY* DENGAN BIASISWA KKM :**

---

---

---

---

---

---

---

---

Tandatangan *Referee* : \_\_\_\_\_

Cop Rasmi *Referee* : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap oleh *Referee* dan dikemukakan bersama-sama dengan dokumen lain semasa temuduga kepada pihak Urus Setia Temuduga (Jawatankuasa Teknikal)

